

Pastikan menambak tidak jejaskan garisan laut pemisah sempadan

PM: Singapura perlu beri jaminan

9 MAR 2002

Oleh SOPHA SULAIMAN
dan DALIZA ARIFFIN

SIK 8 Mac — Singapura perlu memberi jaminan bahawa usaha menambak laut di beberapa lokasi perairannya tidak akan menjejaskan garisan laut terdalam yang menjadi pemisah sempadan dengan Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, garisan laut terdalam itu penting untuk laluan kapal dan faktor tersebut perlu diambil kira oleh Kerajaan Singapura.

“Singapura ada bak untuk menebus guna tanah dalam wilayahnya dan jika usaha itu akan menjejaskan kedalaman garisan laut terdalam, maka ia akan memberi kesan buruk kepada pelayaran kapal-kapal,” katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Mesra Bersama Pemimpin di Padang Majlis Daerah Sik di sini hari ini.

● Samakan UMNO dengan Yahudi tidak berasas — Muka 2

Perdana Menteri diminta mengulas mengenai tindakan Singapura yang menambak laut di beberapa tempat berhampiran perairan Johor yang memberi kesan langsung kepada persekitaran negeri itu dan sempadan perairan Malaysia-Singapura.

Dr. Mahathir menambah, Kementerian Luar sedang mengkaji untuk mendapatkan jaminan dari negara jiran itu bahawa tindakan menambak laut tersebut tidak akan memberi kesan langsung kepada persekitaran sempadan perairan kedua-dua negara serta laluan kapal.

Dalam masa yang sama, Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia juga telah

■ Lihat muka 4

PM: Singapura perlu beri jaminan

dipanggil untuk dimaklumkan mengenai rasa tidak senang Malaysia terhadap tindakan negaranya itu.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir menolak dakwaan bahawa usaha penambakan tersebut merupakan rancangan jangka panjang Singapura untuk menarik perhatian kapal-kapal agar tidak beroperasi di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di Johor.

Ketika ditanya mengenai kemungkinan kerajaan membawa kes ini ke Mahkamah Antarabangsa, Perdana Menteri berkata: “Ia belum sampai ke tahap itu. Malaysia dan Singapura masih ada kes tuntutan ke atas Pulau Batu Putih di mahkamah itu sekarang.”